

Beri kelonggaran PDRM kendali projek kemudahan

Butterworth: Kerajaan sedia memberikan kelonggaran kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengendalikan projek berkaitan kemudahan dan kebajikan anggotanya bagi mempercepatkan proses naik taraf infrastruktur itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kelonggaran itu diberikan kepada PDRM mulai tahun lalu, selepas pihaknya mendapati berlaku kelewatan dalam projek terutama perumahan anggota.

“Apabila saya perhatikan perumahan polis dan tentera termasuk penjara, itu kadang-kadang daif sangat. Jadi kita ambil

keputusan mulai tahun lalu, untuk polis saya bagi kelonggaran.

“Supaya kalau tidak terikat dengan proses tender biasa dan diserahkan kepada PDRM mengendalikan projek dengan maksud cecutkan pembinaan rumah anggota,” katanya pada Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri Bersama PDRM dan Masyarakat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Tengah, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid

dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

Dalam pada itu, Anwar turut meminta polis meningkatkan ketangkasan pasukan itu dalam menyelesaikan kes berkaitan wanita dan kanak-kanak di negara ini.

“Malam tadi (semalam) saya hadir sambutan Hari Wanita dan wanita mengeluh kerana laporan gangguan seksual jenayah terhadap kanak-kanak dan wanita muda masih dilaporkan dilakukan keluarga sendiri, oleh ustaz dan guru yang rapat dengan mereka.

“Saya minta kerjasama rakan dalam polis untuk ambil tindakan tegas dan tangkas dalam menyelesaikan masalah ini, jangan jadikan negara ini tempat merosakkan akhlak, penyeksanan, penderaan dan gangguan kepada anak kita terutama gadis dan remaja,” katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan segera RM1 juta bagi pembinaan kuarters baharu di Seberang Jaya dan RM500,000 bagi naik taraf surau kuarter IPD Seberang Perai Tengah.

Ketika melawat Hospital Seberang Jaya (HSJ), Anwar berkata, projek bangunan tamba-

han hospital berkenaan yang mengalami kelewatan beberapa tahun lalu akan siap akhir tahun ini.

“Projek bangunan tambahan yang terlambat ini mudah-mudahan akan siap sebelum akhir tahun ini.

“Projek itu kosnya sudah sampai RM500 juta,” katanya ketika ditemui pemberita di luar perkarangan HSJ, di sini, semalam.

Terdahulu, Anwar meiuangkan masa hampir satu jam melawat dan mendengar taklimat berhubung keadaan semasa HSJ oleh Pengarah Hospital terbabit, Dr Saiful Azlan Sharif.